



**KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI**
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

BAJET 2022: MEMPERKASA PERANAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (STI) DALAM MEMACU PEMULIHAN NEGARA PASCA PANDEMIK COVID-19

PUTRAJAYA, 30 Oktober 2021- Bajet 2022 mengetengahkan semangat Keluarga Malaysia yang mampu memacu pertumbuhan dan pemulihan ekonomi negara serta memberi kelegaan untuk kumpulan sasar. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berpendapat Bajet 2022 yang dibentangkan Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz semalam telah mengambil kira input rakyat daripada segenap lapisan masyarakat.

MOSTI menyambut baik peruntukan **RM906,996,800.00** kepada MOSTI bagi tahun 2022 melibatkan RM520,275,300.00 peruntukan mengurus dan RM386,721,500.00 bagi peruntukan pembangunan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba berkata, "MOSTI bermotivasi dan komited untuk melaksanakan pelbagai inisiatif yang telah dirangka dan akan memberi tumpuan kepada matlamat untuk memulihkan kehidupan, serta mata pencarian rakyat bersesuaian dengan tiga bidang fokus Bajet 2022 iaitu 3R; *recovery* (memulih), *resilience* (membina daya tahan) dan *reform* (menyusun semula) yang membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap Keluarga Malaysia."

Tambahnya, "Bajet 2022 yang diperuntukkan kepada MOSTI memfokuskan kepada tiga perkara termasuk mempergiatkan aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D), Hab Inovasi: Revolusi Industri Keempat dan strategi *MyStartup*."

Kerajaan menyediakan RM423 juta di bawah MOSTI dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi mempergiat aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D). MOSTI akan menyediakan sokongan menerusi pembiayaan R&D dengan memberi fokus kepada penyelidikan pembangunan eksperimental. MOSTI amat menghargai keprihatinan kerajaan untuk memacu aktiviti R&D khususnya di peringkat penyelidikan pembangunan eksperimental oleh industri, institusi pengajian tinggi dan agensi-agensi penyelidikan kerajaan agar dapat menjana pendapatan menerusi usaha pengkomersialan produk dan teknologi tempatan.

RM30 juta pula diperuntukkan bagi melaksanakan Hab Inovasi: Revolusi Industri Keempat di bawah Technology Park Malaysia sebagai pusat sehati untuk ekosistem inovasi dengan pembangunan teknologi baharu muncul seperti dron, robotik dan kenderaan berautonomi.

Sementara itu, menerusi program strategi *MyStartup* oleh Cradle Fund Sdn. Bhd. yang bertindak sebagai agensi penyelaras ekosistem *startup*, sejumlah RM20 juta diperuntukkan untuk memulih dan membina daya tahan syarikat-syarikat pemula. MOSTI komited untuk memberi sokongan bagi setiap peringkat perkembangan dan pertumbuhan syarikat-syarikat pemula yang berpotensi.

MOSTI akan memastikan semua warga kerja kementerian dan agensi-agensi di bawahnya sentiasa proaktif dalam memastikan program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya agar manfaat yang dihasratkan terus sampai dan dapat dirasai oleh seluruh Keluarga Malaysia.

#Bajet2022
#BekerjaBersamaRakyat
#KeluargaMalaysia

DATO' SRI DR. ADHAM BABA
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
30 Oktober 2021